

06/02/1998

Razaleigh penting hadapi Pas

Torek Sulong

KOTA BHARU, Khamis - Perpaduan parti penting bagi menjayakan wawasan perjuangan Umno Kelantan menawan semula tampuk pemerintahan negeri ini daripada kerajaan Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Saufi Deraman, berkata dalam usaha mencapai matlamat itu, kekuatan ukhawah, muafakat dan mematuhi arahan pucuk pimpinan sangat diperlukan.

Menurutnya, keputusan beliau yang tidak akan mengekalkan jawatan Ketua Umno bahagian itu pada pemilihan Mac ini, bagi menjaga kekuatan dan perpaduan Umno di negeri ini.

Beliau berkata, pengundurannya daripada terus menerajui Umno Bahagian Gua Musang ialah bagi memberi laluan kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah untuk meneruskan perjuangan dan kepimpinan.

"Saya yakin Tengku Razaleigh berkemampuan dan berwibawa memikul tanggungjawab meningkatkan perpaduan di kalangan ahli Umno," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Saufi berkata, pengaruh yang ada pada Tengku Razaleigh mampu membantu menumbangkan Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berharap pengundurannya itu tidak disalah tafsir, sebaliknya menjadi panduan kepada Umno bahagian lain di Kelantan demi kekuatan dan perpaduan ahli.

"Kemenangan untuk merampas semula Kelantan tidak datang bergolek. Ia perlu dirancang sebaik mungkin melalui perpaduan sesama sendiri, perbincangan dan tolak ansur," katanya.

Saufi menolak tanggapan negatif sesetengah pihak yang mendakwa keputusannya itu semata-mata kerana kepentingan diri atau menerima desakan pihak tertentu supaya mengundur diri.

Menurutnya, keputusannya itu tiada kaitan dengan mana-mana pihak kerana ia diputuskan selepas mengambilkira kepentingan parti.

"Ia juga selaras dengan seruan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kekuatan Umno Kelantan ditingkatkan demi kepentingan rakyat keseluruhannya," katanya.

(END)